

### **3.5.2021\_Berita Harian\_MOSTI\_Vaksin AstraZeneca habis ditempah pemohon sukarela dalam tempoh 3 jam**

## **Vaksin AstraZeneca habis ditempah pemohon sukarela dalam tempoh 3 jam**

**Kuala Lumpur:** Permohonan bagi mendapatkan vaksin AstraZeneca COVID-19 secara sukarela yang dibuka jam 12 tengah hari semalam, habis ditempah dalam masa tiga jam 20 minit.

Tempahan yang dibuka kepada individu berusia 18 tahun ke atas yang tinggal di Selangor dan Kuala Lumpur itu, ditutup kira-kira jam 3.20 petang selepas semua 260,000 janji

temu direkodkan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, ketika mengumumkan perkara itu berkata, individu yang layak bagaimanapun masih boleh membuat tempahan janji temu menerusi senarai menunggu.

Katanya, tempahan slot senarai menunggu itu akan dibuka untuk tempoh beberapa jam, se-

**260,000**

Janji temu direkodkan

**4 lokasi**

PPV di Selangor, Kuala Lumpur

belum keseluruhan sistem pendaftaran menerusi vaksincovid.gov.my ditutup.

"Semua slot (janji temu bagi mendapatkan suntikan) AstraZeneca sudah ditempah. Maaf kerana berlaku beberapa kepingangan di peringkat awal dan ada yang terpaksa mengemaskini proses berulang kali."

**Nasional 7**